

**Pembangkok Iri Hati Kejayaan Kerajaan Pimpinan Najib - Rais  
Bernama  
1 Februari, 2013**

JELEBU, 1 Feb (Bernama) -- Segala kemajuan yang dikecapi rakyat dan negara hari ini, hasil kepimpinan Perdana Menteri Datuk Seri Mohd Najib Tun Abdul Razak menerusi gagasan 1Malaysia dan pelan transformasi telah menyebabkan pembangkang berasa iri hati.

Menteri Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan Datuk Seri Dr Rais Yatim berkata, akibat perasaan itu pembangkang kini berusaha keras 'meracuni' pemikiran rakyat agar menukar kerajaan pada pilihan raya akan datang.

"Pembangkok sakit hati, mereka mahu tukar Datuk Seri Mohd Najib dan mahu Datuk Seri Anwar Ibrahim naik, mahu naikkan orang-orang lain. Tapi jangan lupa kita punya Jelebu, kita punya Negeri Sembilan, kita sendiri tentukan bukan orang lain.

"Kita perlu ingat, apa kerajaan telah buat. Bagi masyarakat Cina kerajaan telah peruntukkan lebih RM180 juta untuk sekolah-sekolah Cina untuk dibantu secara amnya atau khususnya," katanya ketika berucap pada majlis sempena sambutan perayaan Tahun Baru Cina peringkat Parlimen Jelebu, di dewan Sekolah Jenis Kebangsaan Cina Yuk Hua, di sini hari ini.

Rais yang juga Anggota Parlimen Jelebu berkata, pembangkang juga berasa tidak selesa dengan kejayaan Perdana Menteri membawa kemajuan dalam bidang ekonomi sehingga negara ini diyakini pelabur asing.

"(Negara jiran) Singapura pun lihat Malaysia semakin maju, dan mereka telah menanam modal di Iskandar Johor dan mereka telah membeli banyak rumah-rumah di kawasan tersebut," katanya.

Katanya, senario itu jelas menunjukkan rakyat negara tersebut mempunyai keyakinan tinggi terhadap ekonomi negara ini di bawah pimpinan perdana menteri.

Selain itu, Rais berkata menerusi gagasan 1Malaysia yang dicetuskan Najib juga, semua rakyat menikmati pelbagai bantuan kebajikan tanpa mengira kaum seperti Bantuan Rakyat 1Malaysia dan Bantuan Awal Persekolahan.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=925513>